

PERSEPSI , MINAT DAN FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN PELAJAR DALAM  
AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEBUAH  
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH JOHOR BAHRU

E PEI SZE

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER, 2007

Untuk suami saya, Shu Jin, yang sentiasa berada di sisi dan telah memberikan sokongan  
yang sepenuhnya kepada saya.

Tidak lupa juga anak-anak kesayangan saya, Khai Hern dan Kwang Siang  
yang telah memberikan semangat kepada saya.

Akhirnya, untuk ibu bapa saya  
yang sentiasa memberikan galakan kepada saya

## **PENGHARGAAN**

Bersyukurlah kerana kajian ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada En. Yusof bin Boon, selaku penyelia kajian. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, galakan, kesabaran dan nasihat sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi Malaysia yang sudi memberi ilmu pengetahuan untuk menjayakan kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada pelajar-pelajar tingkatan empat SMKTBI yang dipilih sebagai responden kerana membantu dan memberikan kerjasama erat demi menjayakan kajian ini. Saya mendoakan agar kalian berjaya dalam pelajaran.

Penghargaan juga dihulurkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini.

Terima kasih !

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi, minat dan faktor-faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sebuah sekolah menengah di daerah Johor Bahru. Seramai 100 responden dipilih secara rawak kelompok, terdiri daripada pelajar tingkatan empat. Satu set soal selidik yang mengandungi 52 item pernyataan digunakan sebagai instrumen. Data dianalisis menggunakan Program SPSS (*Statistical Package For Social Science*) bagi mendapatkan Peratusan dan min. Persoalan yang dikaji ialah untuk mengetahui apakah persepsi responden terhadap aktiviti kokurikulum dan pengurusan aktiviti kokurikulum. Selain itu, adakah faktor minat, rakan sebaya, ibu bapa dan guru mempengaruhi penglibatan responden dalam aktiviti kokurikulum. Dapatan kajian telah menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum lebih didorong oleh faktor ibu bapa, diikuti oleh faktor rakan sebaya dan akhir sekali faktor guru. Di samping itu, menurut kajian didapati pelajar India merupakan kaum yang paling kuat dipengaruhi oleh ibu bapa terhadap aktiviti kokurikulum.

## ABSTRACT

This study is carried out to determine the perception, interest and the contributory factors that lead to student participation in the field of co-curriculum in a secondary school in Johor Bahru. A total of one hundred respondents consisting of form four students have been selected at random to participate in this study. The instrument for this study is a set of questionnaire consisting of 52 items. The data collected is analysed using Statistical Package for Social Science to obtain the percentage and mean. The survey is conducted to study the impact of factors such as, student interest, peer group influence and parental influence on student participation in the field of co-curriculum in a school in the city of Johor Bahru. The findings revealed that parental influence has the most impact on student participation and involvement in co-curricular activities. This is followed by peer group influence and lastly, teacher factor. In addition, it is found that parental influence is greatest in the Indian community.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Objektif Kajian	7
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	9
	1.6 Batasan Kajian	10
	1.7 Definisi Istilah	10
	1.8 Penutup	11
<b>2</b>	<b>TINJAUAN PENULISAN</b>	
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Teori-teori Yang Berkaitan	13
	2.3 Kajian Yang Berkaitan	25
	2.4 Penutup	29
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.1 Pengenalan	30
	3.2 Reka Bentuk Kajian	30
	3.3 Populasi Kajian	31
	3.4 Instrumen Kajian	31

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	3.5	Prosedur Kajian 33
	3.5.1	Kajian Rintis 34
	3.6	Analisis Data 35
	3.7	Penutup 37
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA KAJIAN</b>	
	4.0	Pengenalan 38
	4.1	Demografi Responden 38
	4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina 38
	4.1.2	Taburan Responden Mengikut Kaum 39
	4.2	Persoalan Kajian 1 : Apakah Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum? 39
	4.3	Persoalan Kajian 2 : Apakah Tahap Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum? 41
	4.4	Persoalan Kajian 3 : Apakah faktor Pendorong Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum? 43
	4.4.1	Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum 43
	4.4.2	Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Kokurikulum 44
	4.4.3	Dorongan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum 46
	4.4.4	Analisis Faktor-faktor Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum 47

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
4.5	Persoalan Kajian 4 : Apakah Pendapat Pelajar Tentang Pengurusan Aktiviti Kokurikulum?	48
4.6	Persoalan Kajian 5 : Adakah Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina dan Kaum?	50
4.6.1	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	50
4.6.2	Adakah terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	52
4.7	Persoalan Kajian 6 : Adakah Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina dan Kaum?	52
4.7.1	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	53
4.7.2	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	54
4.8	Persoalan Kajian 7 : Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Guru, Rakan Sebaya dan Ibu Bapa Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina dan Kaum?	55



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	4.8.1 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina?	55
	4.8.2 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	57
	4.8.3 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	58
	4.8.4 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	59
	4.8.5 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Dorongan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	60

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	4.8.6 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Faktor Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	61
	4.9 Rumusan	62
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
	5.0 Pengenalan	64
	5.1 Perbincangan	64
	5.1.1 Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum	64
	5.1.2 Minat Pelajar Terhadap Aktiviti kokurikulum	66
	5.1.3 Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	66
	5.1.4 Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	67
	5.1.5 Faktor Dorongan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	68
	5.1.6 Pendapat Pelajar Tentang Pengurusan Aktiviti Kokurikulum	70
	5.1.7 Analisis Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina dan Kaum	71

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	5.1.8 Analisis Perbezaan Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina dan Kaum	72
	5.1.9 Analisis Perbezaan Faktor-faktor Yang Mendorong Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina Dan Kaum	72
	5.2 Cadangan Tindakan	73
	5.2.1 Cadangan Kepada Pihak Pentadbiran Sekolah	73
	5.2.2 Cadangan Kepada Guru	74
	5.2.3 Cadangan Kepada Ibu Bapa	75
	5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	76
	5.4 Penutup	77
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	78
	<b>LAMPIRAN</b>	82

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
3.1	Taburan Soalan Mengikut Persoalan Kajian	33
3.2	Peringkat Skala Likert	33
3.3	Tahap Persepsi Pelajar Mengikut Skor Min	36
3.4	Analisis Data Mengikut Persoalan Kajian	36
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	39
4.2	Taburan Responden Mengikut Kaum	39
4.3	Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum	40
4.4	Taburan Responden Mengikut Tahap Persepsi Secara Keseluruhan	41
4.5	Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum	42
4.6	Taburan Responden Mengikut Tahap Minat Secara Keseluruhan	42
4.7	Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	43
4.8	Taburan Responden Mengikut Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	44
4.9	Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	45
4.10	Taburan Responden Mengikut Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	45

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
4.11	Faktor Dorongan ibu bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	46
4.12	Taburan Responden Mengikut Faktor Dorongan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	47
4.13	Taburan Responden Mengikut Faktor Guru, Rakan Sebaya dan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti kokurikulum	48
4.14	Taburan Min Faktor Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	48
4.15	Pendapat Pelajar Tentang Pengurusan Aktiviti Kokurikulum	49
4.16	Taburan Responden Mengikut Tahap Pandangan Terhadap Pengurusan Aktiviti Kokurikulum	49
4.17	Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti kokurikulum mengikut Jantina Pelajar	51
4.18	Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti kokurikulum mengikut kaum	52
4.19	Perbezaan Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	53
4.20	Perbezaan Minat Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	55
4.21	Perbezaan Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	56

4.22	Perbezaan Faktor Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	57
4.23	Perbezaan Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	58
4.24	Perbezaan Faktor Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	59
4.25	Perbezaan Faktor Dorongan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	60
4.26	Perbezaan Faktor Dorongan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jenis Kaum	61

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Wawasan 2020 telah memberi gambaran bahawa menjelang tahun 2020, Malaysia mempunyai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju dengan masyarakat yang bersatu-padu, progresif dan makmur, dinamis serta mempunyai rasa keyakinan diri dan daya ketahanan yang tinggi. Oleh yang demikian, Sistem Pendidikan Negara bukan sahaja bermatlamat melahirkan warganegara yang terpelajar tetapi mendidik dengan nilai-nilai dan pengalaman amali. Natijah dari keadaan ini, akan lahirlah suatu perubahan yang optimum dari segi mental, fizikal, emosi dan sosial. Justeru itu, sistem pendidikan yang berorientasikan kepada kejayaan dalam peperiksaan semata-mata haruslah dikurangkan dengan mengambil kira perkembangan keseluruhan setiap pelajar.

Kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum yang penting dalam memberi sumbangan kepada pelajar dari segi penyuburan fizikal, mental, emosi dan sosial pelajar. Pendapat ini sesuai dengan pendapat Arnold(1968) yang

menyatakan kegiatan sukan dapat menambahkan dan mengharmonikan aspek-aspek fizikal, intelek, sosial, emosi dalam personaliti seseorang individu terutama melalui kegiatan fizikal yang diarahkan.

Ahli-ahli pendidikan dan falsafah mengakui bahawa kokurikulum yang melibatkan aktiviti sukan dan permainan adalah suatu kuasa sosial dan pendidikan yang positif. Kenyataan ini telah diakui oleh Hancock(1968):

“Kemajuan intelektual ditentukan pada tiap-tiap langkah oleh tenaga jasmani untuk mencapai keputusan yang cemerlang dan latihan fizikal mesti disertai dalam kumpulan mental.”

Manakala menurut Hanafi (1984) menyatakan persatuan boleh berperanan untuk mendidik pelajar ke arah latihan berdikari, cerdas berfikir, mengisi masa lapang dengan lebih berfaedah terutama kepada mereka yang tidak mempunyai minat bersukan atau melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang lain. Kegiatan kokurikulum di sekolah dapat mempercepatkan proses pergaulan dalam kalangan pelajar, membolehkan usaha-usaha memupuk integrasi dalam kalangan kaum dan masyarakat sekolah, membantu mewujudkan suasana iklim sekolah yang mendorong pembelajaran dan pembudayaan manusia, melatih dan menyemai nilai-nilai kepimpinan serta memberi dorongan diri.

Berdasarkan kepentingan tersebut, pelaksanaan aktiviti kokurikulum telah diberi penekanan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. Laporan ini telah mencadangkan supaya semua murid hendaklah digalakkan mengambil bahagian aktif dalam kegiatan kokurikulum yang berunsurkan kebudayaan kebangsaan serta



kegiatan sukan dan pasukan seragam (perakuan 44, 50, 51, 53). Dalam hal ini kegiatan kokurikulum seharusnya dianggotai oleh semua kaum. Rancangan dan aktiviti kokurikulum adalah selaras dengan cita-cita dan aspirasi negara, Falsafah Pendidikan Negara, Rukunegara serta menepati dengan dasar-dasar kerajaan dalam pembangunan negara, khususnya Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menuju ke arah wawasan 2020. Lantaran tersebut, Kementerian Pelajaran telah mewajibkan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di semua peringkat institusi pendidikan, sekolah, maktab dan universiti.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah dapat memberi manfaat kepada pelajar dalam membantu perkembangan fizikal, sosial, emosi dan intelektual. Selain daripada itu, aktiviti kokurikulum juga dapat membina sikap kepimpinan, tanggungjawab, semangat bekerjasama dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Pelajar merupakan satu aset yang penting dalam sesebuah institusi pendidikan. Kemampuan seseorang pelajar itu bertindak dengan cemerlang di dalam sesebuah institusi pendidikan akan dapat memberi gambaran atau imej yang baik kepada masyarakatnya di mana dia menuntut. Memandangkan salah satu faktor kecemerlangan pelajar adalah dipengaruhi oleh suasana kehidupannya di alam persekolahannya yang seiring dengan proses perkembangan dan pembangunan mereka. Menurut Drum (1977) , proses pembangunan pelajar

melibatkan tingkah laku seseorang pelajar berubah ke arah yang lebih kompleks akibat pertambahan kematangan dalam kehidupannya. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa pelajar yang aktif, sama ada berpersatuan akademik, sosial, agama mahupun bidang sukan semasa menuntut di sekolah biasanya akan dapat menampilkan dirinya dengan cemerlang dalam masyarakat mahupun ketika melanjutkan pelajarannya di universiti.

Selain itu, aktiviti kokurikulum juga merupakan salah satu aspek yang penting dalam memenuhi keperluan individu pelajar ketika dalam proses perkembangan mereka. Keperluan individu pelajar dalam memenuhi cabaran pada abad ke- 21 dapat kita lihat seperti di bawah :-

- i. Pengisian rohani
- ii. Pembangunan personaliti
- iii. Mencari identiti
- iv. Pengetahuan tentang seks
- v. Pembangunan moral
- vi. Pantas dan tangkas bertindak
- vii. Keihatan fizikal dan mental
- viii. Jurang perbezaan antara cemerlang dan gagal

Bagaimanapun rungutan demi rungutan biasa didengar dan kerap diperbincangkan pada masa kini bahawa kebanyakan pelajar sekolah di negara ini

lesu, jumud, pasif dan pelbagai istilah lagi yang menggambarkan kemurungan atau tidak aktif para pelajar hari ini dalam melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.

Manakala, ibu bapa pula ragu-ragu terhadap fungsi kegiatan kokurikulum. Mereka akhirnya tidak menggalakkan anak-anak mereka melibatkan diri dalam kokurikulum dan sebaliknya menumpukan sepenuh perhatian dalam aspek akademik (Rosli, 1989).

Selain itu, pengurusan kokurikulum yang kurang berkesan menyebabkan kegiatan seperti penglibatan pelajar tidak menyeluruh, pencapaian kokurikulum yang rendah serta terdapat sebahagian guru-guru yang gagal menjalankan kegiatan kokurikulum. Akibatnya matlamat pendidikan memerlukan masa yang lama untuk mencapai tujuan yang sebenar.

Berdasarkan kepada laporan penilaian aktiviti kokurikulum tahun lepas yang telah disediakan oleh guru penyelaras kokurikulum di tempat kajian ini, memang terlalu banyak jumlah aktiviti yang telah dilaksanakan. Ada antaranya telah mencapai kejayaan yang sangat baik. Begitu juga sebaliknya, ada antaranya tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Persoalannya, apakah faktor yang menjadi sebab bagi kejayaan atau kegagalan sesuatu aktiviti kokurikulum. Adakah faktor ini hanya tertumpu dari segi minat pelajar terhadap jenis aktiviti tertentu ataupun ada faktor-faktor lain yang mempengaruhinya?

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dibincangkan dapat dilihat bahwa walaupun betapa pentingnya aktivitas kokurikulum kepada seseorang pelajar ketika dalam proses perkembangan mereka, namun keadaan ini tidak disadari oleh pelajar mahupun ibu bapa sendiri. Ini secara tidak langsung menyebabkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang diadakan oleh pihak sekolah secara keseluruhan tidak mendapat sambutan yang memuaskan mengikut data atau laporan penilaian aktiviti kokurikulum yang disediakan oleh guru penyelarasan kokurikulum.

Berhubungan dengan perkara di atas, kajian ini perlu dilakukan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum dan pengurusan aktiviti kokurikulum serta mengenal pasti adakah faktor ini hanya tertumpu dari segi minat pelajar ataupun terdapat faktor-faktor lain (faktor rakan, ibu bapa dan guru) yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu aktiviti supaya langkah-langkah yang sesuai diambil untuk mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan.

Selain itu, punca kurang penglibatan pelajar dalam sesuatu aktiviti perlu dikenal pasti dahulu oleh pihak sekolah sebelum membuat perancangan untuk sesuatu aktiviti supaya dapat menyediakan konteks yang sesuai untuk pelajar-pelajar dan secara langsung mendatangkan manfaat kepada mereka.

### **1.3 Objektif Kajian**

Terdapat tujuh objektif dalam kajian ini iaitu :

- i. Mengetahui persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum.
- ii. Mengetahui minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum yang dijalankan.
- iii. Mengetahui faktor-faktor (rakan sebaya, dorongan ibu bapa dan guru) yang mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.
- iv. Mengetahui pendapat pelajar tentang pengurusan aktiviti kokurikulum.
- v. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.
- vi. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.
- vi. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan faktor yang mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan yang timbul di sini adalah :

- i. Apakah persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum?
- ii. Adakah pelajar minat terhadap aktiviti kokurikulum yang biasa dijalankan?
- iii. Apakah faktor-faktor (rakan sebaya, dorongan ibu bapa dan guru) yang mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum?
- iv. Apakah pendapat pelajar tentang aktiviti kokurikulum yang biasa dijalankan?
- v. Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum?
- vi. Adakah terdapat perbezaan minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum yang biasa dijalankan mengikut jantina dan kaum?
- vii. Adakah terdapat perbezaan faktor (rakan sebaya, dorongan ibu bapa dan guru) yang mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Adalah menjadi harapan agar segala maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan dapat dijadikan panduan kepada beberapa pihak antaranya ;

- i. Pihak sekolah dan para guru sebagai pelaksana dapat mengenal pasti persepsi pelajar terhadap aktiviti pembangunan pelajar yang mereka laksanakan selama ini dengan itu para guru dapat meningkatkan persediaan mereka sama ada dari aspek kemahiran, pengetahuan dan psikologi mereka dalam menjalankan aktiviti.
- ii. Pihak sekolah juga sebenarnya dapat mewujudkan kerjasama yang baik dengan ibu bapa pelajar dengan memberi penjelasan agar golongan ibu bapa dapat bersama-sama memberi dorongan kepada pelajar dalam aktiviti pembangunan pelajar sama ada dalam bentuk wang ringgit ataupun kemudahan lainnya kepada anak-anak mereka untuk aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh pihak sekolah.
- iii. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang sebagai perancang utama dapat meneliti dan mengkaji dari segi kemudahan infrastruktur bagi aktiviti kokurikulum di sekolah yang tidak begitu sempurna, yang mana ianya mungkin menyebabkan kurangnya minat pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum.

Hasil daripada kajian ini akan menunjukkan sejauhmanakah minat pelajar serta faktor-faktor yang mendorong dan menghalang penglibatan pelajar dalam

aktiviti kokurikulum. Di samping itu, persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum mengikut kaum dan jantina akan ditinjau dalam kajian ini. Andainya didapati maklum balas positif, maka para pendidik, ibu bapa dan masyarakat seharusnya meningkatkan usaha bagi menggalakkan, memperkembangkan serta membuat perancangan yang lebih tersusun dan jitu bagi meningkatkan minat pelajar seterusnya penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dengan lebih jayanya.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan dalam kalangan pelajar tingkatan empat sahaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Bukit Indah.

## **1.7 Definifi Istilah**

### **1.7.1 Penglibatan**

Bermaksud pendaftaran dan penyertaan pelajar di dalam sesuatu aktiviti pembangunan pelajar yang dirancang dan dijalankan di sekolah.

### **1.7.2 Pelajar**

Pelajar atau murid bermaksud seseorang tanpa mengira umurnya, yang kepadanya pendidikan atau latihan diberikan di suatu institusi pendidikan. (Rang Undang-undang Pendidikan, 1995)



### **1.7.3 Kokurikulum**

Gerak kerja yang dilakukan di luar bilik darjah dan dibenarkan oleh pihak pentadbir. Aktiviti kokurikulum dalam kajian ini merangkumi kelab/persatuan, badan beruniform dan sukan / permainan.

## **1.8 Penutup**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian yang dinyatakan adalah diharapkan agar kajian ini akan dapat membantu menempatkan aktiviti kokurikulum di sekolah sebagaimana yang diharapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan di dalam tujuan pelaksanaannya. Peranan aktiviti bukan hanya sebagai pelengkap agenda pendidikan tetapi perlu untuk melahirkan insan yang seimbang dan berketerampilan dalam semua bidang.